



KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

## KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	UTUSAN MALAYSIA			
TARIKH	:	27/8/2021 (JUMAAT)	MUKA SURAT	:	27
JABATAN	:	-			

# Hentikan segera aktiviti mengorek pasir

**KUALA TERENGGANU:** Penduduk Kampung Pulau Sekati di sini mahu aktiviti mengorek pasir di sekitar jajaran paip dasar Sungai Tangki Berangan yang pecah baru-baru ini dihentikan sepenuhnya.

Bekas pengerusi Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK), Ramlee Man, 59, berkata, aktiviti mengorek yang beroperasi sejak kira-kira lima tahun lalu mengganggu kira-kira 250 penduduk berikutan masalah hakisan di samping bunyi bising.

Katanya, sepanjang tempoh tersebut, kawasan tebing sungai terhakis sehingga tiga meter dan dikhuatiri akan menjadi lebih teruk jika terus dibiarkan tanpa kawalan.

"Sebelum ini, pihak syarikat berkenaan menggunakan dua pam pengorek pasir dan selepas penduduk membuat aduan kepada agensi terlibat, beberapa tahun lalu, maka, hanya satu peralatan sahaja yang beroperasi.

"Walaupun aktiviti itu sudah dihentikan buat sementara sejak kejadian paip pecah pada awal



**RAMLEE Man menunjukkan tebing sungai yang terhakis dipercayai akibat aktiviti mengorek pasir di sekitar lokasi jajaran paip dasar sungai Tangki Berangan yang pecah di Kampung Pulau Sekati di Kuala Terengganu, semalam.**

bulan ini, tetapi, kita mahu agar kerja-kerja tersebut dihentikan sepenuhnya kerana tidak sanggup menanggung akibat di samping bimbang kesan kepada jaja-

ran paip dasar sungai," katanya ketika ditemui di sini semalam.

Baru-baru ini, Menteri Besar, Datuk Seri Dr. Ahmad Samsuri Mokhtar menjelaskan aktiviti

### INFO

- **Krisis air 2.0** : 23 Ogos hingga 12 September (20 hari) (kerosakan: dua batang paip dasar sungai Tangki Berangan patah)
- Melibatkan **29,151** pengguna akaun di sebahagian **Kuala Terengganu dan Kuala Nerus**
- Kemudahan lori, tangki dan pili paip disediakan:
- **295** tangki statik di lima DUN terjejas:
  - 107 tangki (Buluh Gading)
  - 87 tangki (Seberang Takir)
  - 68 tangki (Tepoh)
  - 28 tangki (Batu Rakit)
  - 5 tangki (Manir)
- 33 lori tangki bergerak
- 152 pili paip di 10 lokasi

mengorek pasir di kawasan paip pecah itu sudah dihentikan bagi memberi laluan kepada jawatan kuasa khas untuk melakukan siasatan terperinci.

